

Kakitangan kewangan perlu minda kelas pertama

Perlu ada usaha bagi melahirkan modal insan kelas pertama dalam sektor itu supaya peserta tempatan dapat bersaing dengan peneraju asing di peringkat global

Oleh **MUSTAFA KAMAL BASRI**
dan **JOHARDY IBRAHIM**

KUALA LUMPUR 7 Sept. - Kakitangan sektor kewangan domestik perlu memiliki minda kelas pertama bagi menjadikan sektor kewangan tempatan sebagai jaguh di peringkat global, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, mereka perlu melakukan perubahan minda bagi membentuk modal insan kelas pertama yang mampu bersaing di peringkat global.

"Sektor kewangan domestik perlu melakukan perubahan bukan sahaja daripada segi menyediakan kemudahan dan infrastruktur yang lebih baik kepada pengguna, tetapi yang lebih penting ialah perubahan minda.

Saya berpendapat perlu ada usaha bagi melahirkan modal insan kelas pertama dalam sektor itu supaya peserta tempatan dapat bersaing dengan peneraju asing di peringkat global," katanya.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata demikian semasa melancarkan penjenamaan semula kumpulan perbankan CIMB Bank Bhd. dan merasmikan

cawangan pertamanya di Pusat Membeli-belah Starhill di sini, hari ini.

Selain itu, katanya, sektor itu perlu menyediakan produk dan perkhidmatan yang lebih inovatif bagi memenuhi keperluan pelanggan yang semakin berubah.

Menurut Abdullah, sektor kewangan perlu mengurangkan peranannya sebagai tempat menyimpan dan mengeluarkan wang, sebaliknya menjadi pemudah cara yang menyediakan keperluan kewangan bagi orang ramai.

"Institusi kewangan perlu mampu menawarkan perkhidmatan kewangan yang meluas bagi memenuhi keperluan semua pihak, termasuk orang perseorangan dan golongan perniagaan," katanya.

Tambahnya, walaupun kerajaan telah menetapkan wawasan untuk sektor kewangan tempatan, seperti yang terkandung dalam Pelan Induk Sektor Kewangan dan Pelan Induk Pasaran Modal kejayaan dan destinasi industri itu sebenarnya ditentukan oleh mereka yang menerajui serta bekerja dalam sektor tersebut.

Perdana Menteri memuji langkah Kumpulan CIMB menyediakan perkhidmatan yang memberikan nilai kepada pemegang saham serta pelanggannya.

"Usaha Kumpulan CIMB itu akan membantu menjayakan usaha kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat perbankan Islam di peringkat antarabangsa," tambah beliau.

Beliau juga berharap sektor perbankan di negara ini dapat melaksanakan tanggungjawab korporat dan tadbir urus yang baik, bagi memastikan sektor perbankan tempa-

tan mencapai standard antarabangsa.

Di samping itu, katanya, sektor perbankan juga tidak harus melupakan tanggungjawab sosial kepada masyarakat.

"Bank yang baik perlu juga melaksanakan tanggungjawab sosial dengan menyediakan perkhidmatan perbankan yang berkualiti kepada semua peringkat masyarakat," kata Perdana Menteri.